

09/11/1999

## Keputusan MT bukti Umno bertanggungjawab

Mutazar Abd Ghani

KEPUTUSAN Majlis Tertinggi (MT) Umno dalam mesyuaratnya malam Jumaat lalu supaya sebarang pendedahan oleh ahli parti berkaitan pemimpinnya dirujuk kepada Presiden parti terlebih dahulu adalah tepat dan kena pada masanya dalam suasana keghairahan pelbagai pihak untuk mendedahkan salah laku serta amalan rasuah pihak dan individu tertentu.

Ini sekali gus membuktikan parti itu sentiasa mengambil berat serta mengawal tindak tanduk ahli supaya tidak membuat sebarang pendedahan melulu terhadap pihak atau individu tertentu, termasuk pemimpin atau bekas pemimpin. Selain memastikan ahlinya lebih bertanggungjawab dan dibuat mengikut saluran yang betul, langkah itu juga membolehkan pendedahan itu disokong bukti yang jelas dan kukuh, sekali gus mampu mempertahankannya.

Menurut Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, keputusan itu adalah langkah berhati-hati bagi mempertahankan setiap pendedahan yang dibuat. Sama ada pendedahan itu berkaitan salah laku atau salah guna kuasa oleh pemimpin atau bekas pemimpin, ia perlu disokong dengan bukti jelas.

"Sebarang pendedahan mesti tepat dan disokong oleh dokumen tertentu. Ahli Umno tidak boleh membuat pendedahan sebelum diketahui oleh Presiden. Kita tidak mahu bila buat laporan mengenai sesuatu, jika tidak cukup bukti sukar untuk mempertahankan pendedahan berkenaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di Kuala Lumpur.

Dengan merujuk kepada Presiden terlebih dahulu, sebarang dokumen yang hendak didedahkan akan disemak dan apabila sudah terbukti benar, baru pendedahan akan dibuat.

"Jika ahli ada apa-apa dia bagi tahu kepada saya. Saya semak, jika perlu dokumen kena cari. Jika tidak ada nanti sukar untuk pertahankan. Kita mahu bukti dalam bentuk dokumen, kalau ada itu baru boleh dedah, lagi pula kita kena hati-hati mengenai perkara ini.

"Malah, jika pendedahan itu mempunyai asas, dengan memaklumkan kepada Presiden, pihak ibu pejabat parti juga boleh membantu menyediakan dokumen yang diperlukan bagi menyokong sesuatu pendedahan itu," katanya sambil berjenaka menambah "Kita kena berjaga-jaga kerana sekarang peguam banyak."

Walaupun ingatan itu ditujukan khusus untuk ahli Umno, namun memandangkan Dr Mahathir adalah juga Perdana Menteri, secara tidak langsung ingatan berkenaan secara umumnya meliputi semua rakyat negara ini.

Ini juga selaras dengan saranan Badan Pencegah Rasuah (BPR) Selasa lalu yang meminta semua pihak termasuk pemimpin parti politik supaya membuat laporan terus ke badan itu berhubung sebarang aduan rasuah atau salah guna kuasa dan tidak mempolitikkannya dengan melaporkan kepada pihak lain.

Ini termasuk rancangan pendedahan oleh beberapa Menteri Besar dan pemimpin Umno mengenai dakwaan sogokan wang yang dilakukan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kroninya, serta laporan yang dibuat parti pembangkang.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Zaki Husin, berkata langkah itu bertujuan menjaga kerahsiaan laporan yang dibuat serta tidak menjejaskan siasatan yang dijalankan pihaknya.

Laporan terus kepada BPR juga bagi melindungi kepentingan pengadu dan pihak yang diadu, termasuk mengelakkan orang ramai terlebih dahulu menjatuhkan hukuman (terhadap pihak yang diadu).

"Ada sesetengah pihak tidak membuat laporan (rasuah atau salah guna kuasa) kepada BPR, tetapi sebaliknya melaporkan kepada pihak penguatkuasaan lain seperti polis.

"Tindakan seumpama itu menyebabkan maklumat laporan itu tidak menjadi rahsia lagi dan sedikit sebanyak menjejaskan siasatan BPR. Ia juga menyebabkan orang ramai mungkin menghukum mereka (pihak yang diadu), walaupun belum terbukti mereka bersalah," katanya sambil menambah pendedahan keterlaluan mengenai rasuah terutama di media massa juga boleh menjejaskan imej negara di kaca mata antarabangsa.

Semua maklumat yang dilaporkan kepada BPR daripada segi undang-undang adalah rahsia dan sesiapa yang membocorkannya adalah satu kesalahan serta boleh didakwa. Sebaliknya, jika maklumat berkenaan dilaporkan kepada pihak lain, BPR tidak mempunyai kuasa untuk mengawalnya daripada tersebar.

"Semua maklumat yang dilaporkan kepada BPR adalah rahsia dan semua pihak patut menghormati aspek ini. Justeru, saya amat berharap setiap laporan daripada mana-mana pihak dilaporkan kepada BPR. Ini termasuk Menteri Besar dan pemimpin Umno serta parti pembangkang supaya tampil ke hadapan dan melaporkan hanya kepada BPR.

"Masalah sekarang ialah kedua-dua pihak melaporkan kepada media massa dan menjadikan keadaan semasa begitu hangat. Jika, mereka guna saluran yang betul dengan melaporkan kepada BPR, saya rasa masalah rahsia tidak dipolitikkan," katanya.

Laporan pendedahan salah guna kuasa atau rasuah melalui saluran yang betul sama ada terus kepada Presiden parti (bagi ahli Umno) atau BPR (semua pihak di negara ini) juga dapat mengelakkan Malaysia daripada menjadi sasaran pihak tertentu di luar negara yang sering mendakwa negara membangun banyak mengamalkan rasuah.

Perkara ini tidak dapat dielakkan terutama jika perkara berkaitan isu seumpama itu (salah guna kuasa dan rasuah) terpampang di dada akhbar setiap hari. Walaupun, pendedahan yang dibuat itu mungkin tidak benar atau tidak mempunyai asas yang kukuh, kita tidak dapat menghalang media massa asing mengeksploitasi isu berkenaan untuk memenuhi agenda mereka.

Kedudukan Malaysia berdasarkan Indeks Persepsi Ketelusan Rasuah Antarabangsa (CPI) kini berada di tangga ke-29 daripada 85 negara dunia yang paling kurang melakukan rasuah, berbanding tangga ke-32 sebelum ini. Kedudukan itu juga meletakkan Malaysia di tangga keempat di Asia selepas Singapura, Hong Kong dan Jepun, yang paling kurang mengamalkan rasuah.

Perangkaan CPI Malaysia boleh dianggap baik berbanding negara membangun lain, walaupun negara ini sering dilabelkan pihak tertentu di luar negara banyak melakukan amalan rasuah. Namun, kedudukan yang baik itu mungkin tidak dapat dipertahankan jika saban hari media massa disogokkan dengan pendedahan salah guna kuasa dan rasuah.

Justeru, kita mahu mereka yang mempunyai maklumat mengenai salah guna kuasa atau amalan rasuah di kalangan pemimpin atau bekas pemimpin supaya melaporkan kepada Presiden (bagi ahli Umno) atau BPR bagi semua rakyat Malaysia.

(END)